

# سمبوتن هاري بليا كبڤساان

Sambutan

# Hari *Belia* Kebangsaan

KE-20 2025

**BELIA SIAGA MASA DEPAN**


22 Safar 1447 / 16 Ogos 2025

Pusat Persidangan Antarabangsa



كمنترين كبودااين، بليا دان سوكن  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BELIA SIAGA  
MASA DEPAN**







**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,**  
**SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA**  
**SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024**

**PADA HARI SELASA**  
**02 SAFAR 1446 / 07 OGOS 2024**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat sama-sama berkumpul untuk menghadiri **Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-19** pada pagi ini.

Generasi belia adalah sumber tenaga yang sangat berharga. Maju dan mundurnya bangsa berkait rapat dengan prestasi belia.

**"Belia Harapan Bangsa"** adalah ungkapan yang sering diucapkan yang membawa makna sangat besar dalam menerajui pembangunan negara.

Beta ingin melihat lebih ramai golongan 'Belia Cemerlang' yang berani mendepani perubahan dan meneroka bidang-bidang baharu dalam masyarakat.

Kerajaan Beta melalui kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mewujudkan pembangunan mampan.

Kerjasama padu melalui pendekatan senegara adalah penting untuk dijadikan amalan, demi memastikan rantaian ekosistem berjaya diwujudkan, selaras dengan pertumbuhan ekonomi secara berterusan.

Dalam hubungan ini, Beta sukacita melihat ramai golongan belia mempelopori bidang keusahawanan dan perniagaan. Beta berharap golongan belia akan terus mampu untuk bersaing dan meneroka pasaran serta peluang-peluang baharu, lebih-lebih lagi berupaya untuk menembusi pasaran luar negara.

Oleh itu, agensi-agensi berkenaan adalah perlu untuk meningkatkan usaha dan memikirkan tatacara yang mudah bagi belia menceburi perniagaan dan sebagainya, termasuk memudahkan urusan peminjaman modal-modal perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam bidang inovasi dan teknologi.

Beta turut mengambil maklum, mengenai sumbangan belia ke arah Matlamat Pembangunan Mampan dengan pelaksanaan Dialog Belia Pembangunan Mampan Kohort Ke-2 dengan menfokuskan kepada tanggungjawab penggunaan dan pengeluaran (Responsible Consumption and Production).

Sangat diharapkan, ianya akan dapat menjadi wadah bagi para belia meneruskan usaha ke arah mencipta masa depan yang cemerlang.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada setiap 1 Ogos adalah merupakan pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan, pencapaian dan kejayaan golongan belia dalam pembangunan negara.

Namun masih perlu diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian, dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang.

Untuk akhirnya, Beta tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini atas komitmen mereka untuk sama-sama membangun dan memajukan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



## Kata Alu-Aluan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala di atas limpah, rahmat dan izin-Nya jua, Negara Brunei Darussalam pada tahun ini dapat menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.

Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis ini dan seterusnya mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan anugerah serta berangkat untuk menyaksikan pameran.

Pada tahun ini, Sambutan Hari Belia Kebangsaan mengekalkan tema “Belia Siaga Masa Depan”, yang menekankan kepentingan belia Brunei untuk bersedia menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks seperti transformasi digital, krisis iklim, perubahan sosial dan cabaran ekonomi global. Belia perlu dilengkapi bukan hanya dengan ilmu dan kemahiran, tetapi juga dengan pemikiran kritis, jati diri dan nilai kepimpinan. Kesediaan ini bukan sekadar bertindak balas terhadap perubahan, tetapi untuk memimpin perubahan secara proaktif, berasaskan prinsip kemampanan, empati, dan inovasi.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini memberi penumpuan khas kepada tiga fokus utama: **Ekonomi dan Kebolehambilan Kerja (Employability), Penglibatan Belia secara Inklusif, serta Kepimpinan dan Daya Tahan.** Ketiga-tiga teras ini dipilih untuk membina ekosistem pembangunan belia yang lebih responsif, menyeluruh dan berpandangan jauh. Ia mencerminkan komitmen negara untuk memastikan setiap belia, tanpa mengira latar belakang, mendapat akses kepada peluang pertumbuhan, ruang menyuarakan pandangan, dan sokongan untuk berkembang sebagai agen perubahan dalam masyarakat dan masa hadapan negara.

Pameran Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 berkonsepkan “Belia Dinamik” mempamerkan keupayaan belia menyesuaikan diri, memimpin dan menjana ekonomi melalui semangat keusahawanan, inovasi serta amalan gaya hidup sihat. Pameran ini memfokuskan kepada empat



bidang utama: Modal Insan, Ekspresi Kreatif dan Budaya, Teknovasi dan Sejahtera (Sosial, Kesihatan dan Alam Sekitar)— ke arah mencapai matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 iaitu melahirkan belia bertaraf dunia, berakhlak mulia, siaga masa hadapan serta pembangunan negara secara inklusif, sekaligus merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Alhamdulillah, sepertimana jua sambutan pada tahun-tahun sebelum ini, Acara Kemuncak Sambutan Hari Belia Kebangsaan ialah pengurniaan anugerah belia dalam beberapa kategori. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah dan berharap dengan penganugerahan ini ia akan menjadi inspirasi kepada generasi belia kitani dan masyarakat amnya agar terus aktif dalam menyumbang khidmat dan bakti kepada masyarakat dan negara.

Akhirnya, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025, Ahli Jawatankuasa Kerja, Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2025 dan rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada dari sektor kerajaan mahupun sektor swasta bagi sama-sama menjayakan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025. Semoga usaha baik dan murni ini akan mendapat ganjaran yang setimpal dan pahala yang berlipat ganda daripada Allah subhanahu wa taala jua.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِیْقُ وَالْهَدَایَةُ وَ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَکَاتُهُ

**DATO SERI SETIA HAJI AWANG NAZMI BIN HAJI AWANG MOHAMAD**

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi  
Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025

## Atur cara

- 8.00 pagi** - Para jemputan hadir.
- 8.30 pagi** - Pembesar-pembesar Negara hadir.
- 9.00 pagi** - **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja.**
- Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan".
  - Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.
  - Sembah Alu-aluan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025.
  - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
  - Lafaz Ikrar Belia.
  - Tayangan Video dan Persembahan Belia.
  - Pengumuman Penerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2025.
  - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menyempurnakan Pengurniaan Anugerah Hari Belia Kebangsaan 2025.
  - Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan".

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Hari Belia di Ruang Legar, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan seterusnya menandatangani Lembaran Kenangan dan menerima Pesambah.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung bagi santap.
- Sesi bergambar kenangan.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis.
- Majlis Bersurai.

## **Ikrar Belia**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan Bersyukur  
Ke hadrat Allah subhanahu wa taala  
Kami Belia  
Negara Brunei Darussalam  
Berikrar  
Taat kepada Allah  
Setia kepada Raja  
Cinta kepada Negara  
Mendukung kepimpinan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
Mempertahankan kedaulatan  
Negara Brunei Darussalam  
Sebagai Negara Melayu Islam Beraja  
Mematuhi Perlembagaan Negara  
dan Undang-undang  
Berakhlak mulia dan terpuji**



## Pembaca Ikrar Utama

### Yang Mulia Awang Ahmad Danieel bin Abdul Haniff

Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Sarjana Muda Undang-Undang dan Sarjana Muda Undang-Undang Syariah (2024 hingga sekarang)

- Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA (2025 – 2026).
- Ketua Kadet Pasukan Polis UNISSA (2025).
- Ahli Klinik Nasihat Undang-undang di bawah Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.
- Perwakilan UNISSA ke Konsortium Universiti Universitas Borneo Convention selaku Penyajak (2024).
- Ketua Rumah Sukan Mufakkirun UNISSA (2024).
- Pemenang Forum Bicara Rohani Tingkatan Enam Senegara (2023) anjuran Jabatan Ko-Kurikulum.
- Penerima Anugerah Pelajar Terbaik Dalam Subjek Bahasa Melayu dalam BGCE 'O' Level oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2022).
- Pemenang Pertandingan Kaligrafi Khat (2018) anjuran Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- Bergiat aktif mengikuti pertandingan-pertandingan sajak, pidato dan syair di dalam dan luar sekolah.
- Penempatan kerja di Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (2024 – 2025); The Starbucks Coffee (2023 – 2024); The Empire Brunei (2023); Aleesya's Kitchen (2023); dan Hyatt Borneo Management Services (2022).



## Pengiring

### **Yang Mulia Muhammad Aqil Arfan bin Arjune**

Pelapis Imam Masjid Kg. Sinaut, Jabatan Hal Ehwal Masjid (2016 hingga sekarang)

- Pemegang Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (2020 – 2024).
- Ketua Pengakap Kelana Daerah Tutong Pasukan 2020, merangkap Sekretariat Pengakap Kelana Kebangsaan (Ahli Daerah Tutong).
- Salah seorang pembaca ikrar sambutan Hari Kebangsaan ke-41, 2025, mewakili Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam.
- Lulusan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (2018 – 2019) dan Ma'had Islam Brunei (2013 – 2017).
- Mempunyai aktiviti sampingan sebagai seorang pengacara majlis (Master of Ceremony, MC) untuk majlis-majlis perkahwinan dan majlis hari jadi dan semasa menuntut di KUPUSB (2018 hingga sekarang).
- Mempunyai kumpulan dikir and tausyeh sendiri dibawah nama Ahlul Raahimin.
- Menggemari sukan badminton, hiking, dan berjalan pantas (brisk walk).



### **Yang Mulia Dayang NurulJannahWajihahAfifah binti Armanshah**

Mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Ijazah Sarjana Muda Teknologi Media dan Komunikasi Islam (2024 hingga sekarang)

- Wakil Peserta Negara Brunei Darussalam bagi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (2019); dan selaku Penolong Ketua Pegawai Ugama dalam Komiti Keagamaan.
- Wakil Peserta Negara Brunei Darussalam bagi ke Jepun untuk mengikuti Program JENESYS Ke-23 (2019).
- Naib Yang Di-Pertua II Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA (2025 – 2026).
- Ahli persatuan sukarelawan bukan kerajaan seperti Hand4Hand (2024 – 2025); Projek Bina Ukhuwah (2019 – 2023); Persatuan Kemajuan Insan (2019 – 2022); WeCare (2019 – sekarang); Sukarelawan Belia (2020 – 2022); dan Belia Daie (2020).
- Pengurus Projek Jejak Ramadan (2025); Sungkai Bersama Anak Yatim (2025); Syawal Bersamamu Babu R (2025); dan Penyelaras Sukarelawan bagi Jelajah Ramadan (2024).
- Ketua Logistik (2019 – 2020); Ketua Bantuan dan Pemulihan Kecemasan Bencana (2021 – 2022); dan Ketua Pengurus Projek Projek Bina Ukhuwah (2022 – 2023).
- Pengurus Projek Kempen Derma untuk Mangsa Kebakaran di Kampung Bendahara Lama di bawah Belia Daie (2020).



## **Calon-Calon Anugerah**

### **BELIA CEMERLANG**

Diberikan kepada belia yang berjaya mengharumkan nama negara dalam pelbagai bidang.

### **BELIA BERKHIDMAT**

Diberikan kepada belia yang banyak menyumbang khidmat sukarela kepada negara dan masyarakat.

### **PEMIMPIN MUDA BELIA**

Diberikan kepada muda belia yang cemerlang dalam kepimpinan.

### **PROJEK CEMERLANG UNTUK BELIA**

Diberikan kepada projek yang dilaksanakan oleh golongan belia dan seterusnya projek berkenaan memberikan impak yang positif kepada negara dan masyarakat.

## Belia Cemerlang

| Bil. | Nama Penuh   | Nama Organisasi/ Persatuan/<br>Pergerakan/ Agensi  |
|------|--|--|
| 1    | Dayang Sarinah binti Ziziumiza                                   | Pegawai Pendidikan dan Ketua Pusat Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)                        |
| 2    | Dayang Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin                     | Atlet Sukan Kebangsaan, Persekutuan Karate Brunei Darussalam   |
| 3    | Awang Nurhazmie bin Haji Razali                                  | Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Sultan Haji Hassanal Bolkiah                       |
| 4    | Lt. (Dr.) Wan Nurul Naszeerah binti Mohammed Zainal Abidin Ariff | Pegawai Kesihatan Markas Perubatan dan Kesihatan, Bolkiah Garison, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei |
| 5    | Dayang Siti Rafhanah binti Haji Nor Hasnul                       | Universiti Teknologi Brunei (UTB)  |
| 6    | Dayang Latifah Hannani binti Haji Md. Jini                       | Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)  |
| 7    | Awang Muhammad Nur Hafizan @ Nur Syafizan bin Saban              | Lepasan Pelajar Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Sultan Haji Hassanal Bolkiah                         |
| 8    | Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili                            | Pegawai Pelajaran Tarannum Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB)           |

## Belia Berkhidmat

| Bil. | Nama Penuh  | Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/<br>Agensi   |
|------|---|---|
| 1    | Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan<br>binti Haji Alimas    | Counsellor<br>Cureheart Company   |
| 2    | Dayang Nurul Izyan binti Anver                                  | Naib Yang Di-Pertua,<br>Majlis Belia Brunei   |
| 3    | Dayang Nurhudiya Fakhriah binti Haji Damit                      | Student Counsellor ( <i>Part-time</i> )<br>HRDS Education / Hand4hand   |
| 4    | Awang Mohammad Hazwan Nizam<br>bin Ibrahim                      | Tenaga Pengajar Sementara<br>Pusat Da'wah Islamiah<br>Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong   |
| 5    | Dayang Hajah Nurul Izzati Khairunnisa<br>binti Haji Embran      | Supervisor<br>Baiduri Bank Sdn Bhd  |
| 6    | Dayang Siti Hurul-Ain Diyana<br>binti Haji Abdul Majid @ Vieana | Melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor<br>Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam)<br>Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan<br>(KUPU SB) |
| 7    | Awang Adib Zainul Zaky<br>bin Haji Abdul Manaf                  | Melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana<br>Muda Media Islam dan Teknologi<br>Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)                                   |
| 8    | Dayang Fatin Hazirah binti Mohammad Azizi                       | Pegawai Pelajaran<br>Sekolah Rendah OKSB Kilanas  |
| 9    | Awang Haji Muhammad Loqman Al-Hakim<br>bin Haji Hamdan          | CEO GenQu Academy F.K.A<br>Al-Huffaz Management   |

## Pemimpin Muda Belia

| Bil. | Nama Penuh   | Nama Organisasi/ Persatuan/ Pergerakan/<br>Agensi   |
|------|--|---|
| 1    | Dr. Awang Deeni Rudita bin Idris                           | Assistant Professor<br>Universiti Brunei Darussalam   |
| 2    | Pengiran Abdul Farid bin Pengiran Idrus                    | Pramugara ( <i>Cabin Crew</i> )<br>Royal Brunei Airlines  |
| 3    | Dayang Rabi'atul 'Adawiyah Zunnurain<br>binti Haji Terudin | Guru Tingkat II<br>Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Jerudong  |
| 4    | Dayang Nor Surilawana binti Haji Sulaiman                  | Penolong Pensyarah<br>Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)   |
| 5    | Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah<br>binti Haji Abdul Rahman   | Penolong Profesor (MIB & Dakwah)<br>Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)   |
| 6    | Awang Haji Mohammad Zulfan Farhi<br>bin Haji Sulaini       | Pegawai Kaji Selidik<br>Kementerian Pertahanan  |
| 7    | Awang Haji Muhammad Zuwaini<br>bin Haji Aliyani            | Pegawai Pendidikan Ugama Ma'had Islam<br>Brunei, Bukit Bendera, Daerah Tutong   |
| 8    | Dayang Sharifah Adila Surya<br>binti Malai Haji Abdullah   | Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) /Timbalan<br>Presiden / Presiden Majlis Kesejahteraan Orang<br>Kelainan Upaya (MKOKU)<br>Persatuan SMARTER Brunei |

## Projek Cemerlang Untuk Belia

| Bil. | Nama Penuh   | Nama Projek Yang Dicalonkan  | Nama Organisasi/ Persatuan/<br>Pergerakan/ Agensi     |
|------|--|--|---|
| 1    | Dayang Nabilah Assyahirah<br>binti Norman                    | Projek Upskilling Tutong   | Vil-Laju! Brunei                                      |
| 2    | Awang Mohammad Faiz<br>bin Haji Ibrahim                      | Ar-Razaq Kifayah Management  | Ar-Razaq Kifayah Management                           |
| 3    | Dayangku Fatin Nur'masayuni<br>Safwana binti Pengiran Roslan | Konvensyen Pemimpin Muda Brunei<br>( <i>Brunei Young Leaders Convention -<br/>BYLC</i> ) | Ar-Razaq Kifayah Management                           |
| 4    | Dayang Nurhudiya Fakhriah<br>binti Haji Damit                | <i>Toys Donation Drive by Hand4hand</i>  | Hand4hand   |
| 5    | Awang Muhammad Amirul Izzuddin<br>bin Awang Samhiri          | Projek C.O.P.E.<br>( <i>Community Outreach For People<br/>With Epilepsy</i> )            | EEG<br>( <i>Epilepsy Empowerment Group</i> )          |
| 6    | Dayang Hajah Hairul Ezza<br>binti Md. Kairul Anwar           | <i>Yeggoo Pasteurized Eggs</i>   | As-Sehha Group  |
| 7    | Dayang Nureen Afeah binti Elyas                              | <i>Social Kitchen Community</i>  | Society for Community Outreach<br>and Training (SCOT) |
| 8    | Awang Haji Mohammad Zulfan Farhi<br>bin Haji Sulaihi         | JIWA Senja   | Joint Initiative for the<br>Wellbeing of All (JIWA)   |

# مقالیقا Mengalinga

Aplikasi Sukarelawan

Muat Turun



Dengan kerjasama




Aplikasi dibangunkan oleh



'Bersama Mengalinga  
Masyarakat Kitani'

# Trofi Anugerah



## Perlambangan Trofi

Trofi Anugerah Hari Belia Kebangsaan yang diperkenalkan pada tahun 2016 merupakan arca moden (*modern sculpture*) menggambarkan belia yang terus dinamik dalam menyahut cabaran kehidupan masa hadapan dan meneruskan pembangunan yang mampan. Pangkal (*base*) trofi ini berbentuk bahtera belayar menggambarkan para belia yang berperanan dan tetap bersemangat menyahut seruan dalam membangun bangsa dan negara. Bentuk sebelah atas menunjukkan belia yang bersedia menanai hasrat Wawasan Brunei 2035.

**Belia** ialah tunas bangsa umpama benih yang dipelihara dengan baik dan sempurna. Sebelah atas bertunas menjadi pohon yang subur dan cantik melambangkan warganegara yang mantap dan berjaya, manakala sebelah bawah benih yang akan berakar umbi dengan kekuatan melambangkan ketahanan identiti dan budaya bangsa.

**Abjad 6** melambangkan enam bidang dalam Strategi Dasar Belia Negara – Pendidikan Perkembangan Diri; Pekerjaan dan Latihan Belia; Kepimpinan; Daya Usaha; Persefahaman Antarabangsa; dan Perkhidmatan kepada Orang Lain dan Negara.

**Layar Bahtera** dan **Kain Tenunan Brunei** sebagai lambang belia yang berwawasan dan berjaya memiliki nilai teras orang Brunei dan menjadikan warisan budaya sebagai asas pembangunan diri, persatuan dan negara.

**Bahtera** melambangkan negara sebagai pasak kepada pembangunan belia yang maju dan dinamik. Seperti bahtera yang memerlukan kemudi dan pandu arah untuk belayar ke destinasi, belia juga memerlukan panduan hala tuju agar mereka mampu menyambung atau memangkin agenda pembangunan bangsa dan negara.



**Yang Mulia  
Dayang Basma Lachkar  
Atlet Sukan Kebangsaan  
Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam**

*Befia  
Cemerlang*

Beliau mencatat sejarah buat Negara Brunei Darussalam dengan merangkul pingat perak pertama dalam sejarah negara di Sukan Asia 2022 (Hangzhou) dalam acara Taijiquan dan Taijijian; pencapaian ini menamatkan penantian panjang beliau sejak meraih pingat terakhir pada tahun 2002. Pada Julai 2022, beliau mencipta detik bersejarah dengan memenangi emas pertama negara di The World Games di Birmingham dalam acara gabungan taiji, sekali gus menaikkan lagu kebangsaan negara di pentas dunia. Selain itu, beliau juga membawa pulang pingat perak dari FISU World University Games 2023 (Chengdu), dan mencipta kemenangan bersejarah dengan duaan emas di Asian University Wushu Championship 2024 (Harbin) serta satu emas di ASEAN University Games 2024 (Surabaya).

Di samping pencapaian sukan, beliau juga sangat cemerlang dalam bidang akademik. Beliau kini pelajar tahun kedua (pada tahun 2024) dalam jurusan BSc (Hons) Communication di Universiti Teknologi Brunei dan merupakan pelajar pertama menerima Skim Biasiswa Khas Sukan, penghargaan atas pencapaian akademik dan sukan yang gemilang. Sebagai satu pengiktirafan rasmi, "Basma Drive" dinamakan di Sekolah Sukan Kampong Pulaie sebagai penghormatan atas pencapaian beliau. Lebih daripada itu, beliau aktif secara sukarela melatih lebih 70 pelajar muda demi memupuk minat dan bakat wushu dalam kalangan generasi akan datang.

Dengan usia baru 21 tahun (pada tahun 2024), Basma sudah mendapat tempat dalam kalangan atlet wushu antarabangsa dan tersenarai untuk anugerah World Athlete of the Year. Sifat kepimpinannya jelas daripada usaha beliau membahagikan masa antara latihan dengan pembelajaran, sambil menyalurkan inspirasi kepada pelapis muda Brunei. Dedikasi tinggi beliau, bersama nilai disiplin dan ketekunan, meletakkan beliau sebagai ikon sukan negara yang tidak hanya mencipta sejarah tetapi juga memperkukuh masa depan wushu di Negara Brunei Darussalam.





**Yang Mulia  
Awang Md. Haziq Hisyam bin Md. Zaki  
Ahli Persatuan KESAN**

*Belia  
Berkhidmat*

Beliau terlibat aktif dalam bidang kesukarelawan sejak tahun 2015, dan kini berperanan sebagai mentor kepada lebih 300 belia, serta pernah memegang pelbagai jawatan penting dalam NGO dan persatuan seperti KESAN dan Majlis Belia Brunei. Beliau juga pernah bekerja sebagai Content Creator dengan Al-Muyassar sejak bulan April 2021, Pengarah Operasi kelas membaca cepat, Inspektor pengurusan flange, dan guru matematik—semua ini menunjukkan komitmen beliau membina pengalaman dari pelbagai sudut kehidupan.

Sejarah kesukarelawan beliau diperkukuh dengan pelbagai inisiatif komuniti, seperti mengetuai misi bantuan bagi mangsa kebakaran dan banjir, serta projek kebajikan "Indahnya Berbagi" untuk mengagihkan barangan kebersihan di masjid. Beliau juga merupakan pengasas bersama NGO Sukarelawan Belia yang menyokong usaha kerajaan semasa pandemik COVID-19 termasuk mengurus pusat pengasingan, dan mengkoordinasi lebih 100 sukarelawan.

Atas sumbangan bermakna beliau kepada masyarakat dan pembangunan belia, beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan antaranya Anugerah Belia Berkhidmat 2024 dan anugerah "You Inspire Us All" daripada KESAN. Lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Petroleum dari Universiti New South Wales, beliau juga aktif di peringkat antarabangsa melalui program seperti ASEAN Youth Fellowship, program pertukaran belia, dan kerjasama anak muda ASEAN serta Komanwel. Prinsipnya, "If you are not part of the solution, indeed you are part of the problem," menunjukkan tekad beliau untuk terus memberi impak positif kepada masyarakat.





Yang Mulia  
**Awang Mohammad Ashmeer  
Imtiaz Ahmad,**  
Sukarelawan Belia COVID-19  
(Ketua Bahagian Masjid, Pencen, Majlis Rasmi  
dan Individu Kuarantin Rumah)/Bendahari, MPK  
Sengkurong/Ahli Pasukan Teras dan Mentor,  
Young Professional Network

*Pemimpin  
Muda Belia*

Beliau kini bertugas sebagai Ahli Panel Penapisan Filem dan Hiburan Awam di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum ini, beliau berkhidmat sebagai Pegawai I-Ready di JAPEM (Dis 2020–Jun 2022), termasuk mengetuai Pusat Pengagihan Catuan Makanan semasa pandemik COVID-19. Apabila ketua penyelarasan bagi tiga daerah (Brunei Muara, Belait dan Temburong) disahkan positif COVID-19, beliau mengambil alih pengurusan penuh catuan makanan–membantu lebih 430,000 individu di lebih 101,000 rumah, dengan jumlah puncak harian 2,670 rumah dan memimpin sekitar 1,000 sukarelawan.

Di luar peranan rasmi, beliau turut terlibat dalam Tabung Kemanusiaan untuk Palestin (2021), Banjir Pakistan (2022) dan Gempa Bumi Turkiye & Syria (2023), dan kekal sebagai sukarelawan aktif JAPEM dan Jabatan Hal Ehwal Masjid. Beliau juga pernah menjawat Yang Di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar UBD (2016–2017 & 2018–2019), mengetuai 1,000 hingga 2,000 mahasiswa, serta memenangi tiga anugerah cemerlang mahasiswa pada tahun 2021 dan Anugerah Belia Berkhidmat pada tahun 2023.

Beliau menyertai pelbagai organisasi dan jawatankuasa–seperti Bendahari Majlis Perundingan Kampung Sengkurong, Young Professionals Network (YPN), dan Majlis Belia Brunei. Di bawah YPN, beliau menggerakkan Youth Town Hall yang melibatkan 500 belia bertemu menteri kabinet secara langsung. Anugerah Belia Berkhidmat pada 2023 mengukuhkan komitmen beliau sebagai pemimpin belia komuniti, beliau percaya bahawa sumbangan diri ialah tanggungjawab, bukan jenayah, dan sentiasa berhasrat untuk terus menjadi sebahagian daripada penyelesaian bagi masyarakat.





## Projek Lamin Warisan

# Projek Cemerlang Untuk Belia

Lamin Warisan, yang bermaksud "rumah warisan", adalah sebuah rumah kayu tradisional di Kampong Tanjong Maya, Tutong, dibuka kepada orang ramai sejak tahun 2012 sebagai destinasi eko-pelancongan bertemakan budaya Tutong. Ia menampilkan aktiviti seperti penggunaan dialek, demo masakan, permainan tradisional, garisan masa sejarah dan koleksi artifak dari era 1950-an hingga 1970-an. Lawatan turut merangkumi galeri gambar, demonstrasi kraf tangan dan pengalaman alam kampung-semuanya memberi pendedahan mendalam kepada kebudayaan asli puak Tutong.

Projek ini telah diiktiraf secara meluas, termasuk menerima BIMP EAGA Business Award 2023 dalam kategori Social Enterprise dan dicalonkan sebagai wakil Negara Brunei Darussalam untuk UNWTO's Best Tourism Village tahun 2023 serta tersenarai dalam Top 50 regional travel destinations semasa ASEAN-Korea Tourism Seminar. Ia juga terpilih untuk mewakili negara di pameran pelancongan komuniti di Sabah, disokong oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, dan menyaksikan lebih 7,150 pengunjung dari dalam dan luar negara sehingga Jun tahun 2024, menjana jualan sekitar B\$78,402.00.

Walaupun terjejas oleh pandemik COVID-19, Lamin Warisan kekal inovatif dengan memperkenalkan pakej seperti "Glam Gurindam Jiwa" dan "Jelit Jumat" untuk menarik pengunjung sejurus perniagaan dibuka semula. Ia bukan sekadar destinasi budaya, tetapi juga model keusahawanan sosial yang merapatkan generasi-warga tua dan belia-di samping memperhebatkan identiti dan warisan setempat serta memberi inspirasi kepada usahawan muda lain untuk menyemarakkan seni budaya tempatan.



## Tema-Tema HBK

**2010**

**KEUSAHAWANAN  
PEMANGKIN  
BELIA BERDIKARI**

21 Syaaban 1431  
2 Ogos 2010

**2011**

**BELIA BERKREATIF  
DAN BERINOVASI**

27 Syawal 1432  
26 September 2011

**2012**

**BELIA SYUMUL  
HARAPAN NEGARA**

20 Zulkaedah 1433  
6 Oktober 2012

**2013**

**BELIA MENUJU  
WAWASAN**

16 Muharam 1435  
20 November 2013

**2014**

**BERSATU  
MENGHADAPI  
CABARAN ABAD  
KE-21**

8 Zulkaedah 1435  
3 September 2014

**2015**

**BELIA BERWAWASAN  
MENJANA EKONOMI**

17 Zulkaedah 1436  
1 September 2015

**2016**

**BELIA  
BERWAWASAN  
PEMANGKIN  
TRANSFORMASI**

3 Safar 1438  
3 November 2016

**2017**

**BELIA BERDAYA  
USAHA DAN  
MENJAYAKAN  
WAWASAN  
NEGARA**

8 Zulkaedah 1438  
1 Ogos 2017

**2018**

**BELIA PEMACU  
BRUNEI MAJU**

19 Zulkaedah 1439  
1 Ogos 2018

# BELIA SIAGA MASA DEPAN

**2019**

2 Zulkaedah 1440  
3 Ogos 2019

**2020**

Sambutan  
ditiadakan

**2021**

27 Zulhijah 1442  
7 Ogos 2021

**2022**

11 Muharam 1444  
9 Ogos 2022

**2023**

14 Muharam 1445  
1 Ogos 2023

**2024**

2 Safar 1446  
7 Ogos 2024

# Imbasan













**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja bersama Ahli Jawatankuasa Pameran.**

Membentuk Masa Depan Melalui Kesatuan.



### Elemen 1

#### Jawi Kaligrafi (Ba-Lam-Ya-Alif)

Ejaan BELIA dalam arca 3D ini melambangkan identiti Brunei sebagai "negara zikir", yang menekankan takwa dan berdaya tahan.



### Elemen 2

#### 7 Tiang Turus

Melambangkan struktur inovasi penggerak dalam teknologi dan pendidikan dan seterusnya budaya Melayu Brunei Bersatu yang mencirikan tujuh puak etnik Melayu Brunei - Belait, Bisaya Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.



### Elemen 5

#### Futuristik

Struktur reka bentuk abstrak ini diperbuat daripada cermin keluli tahan karat, berkilau, estetik moden, melambangkan elemen futuristik



### Elemen 3

#### Struktur Lingkar

Melambangkan pertumbuhan yang berterusan serta tangan abstrak yang menunjukkan refleksi terhadap komitmen negara terhadap kesejahteraan rakyat.

### Elemen 4

#### Tiga Matlamat Wawasan

Satu bulatan dan dua separa bulatan yang melambangkan tiga matlamat wawasan negara:  
(i) Rakyat yang Berpendidikan Tinggi, (ii) Kualiti Kehidupan yang Tinggi, (iii) Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
dan Kerabat Diraja bersama  
Penerima-penerima Anugerah Belia Kebangsaan Ke-19, Tahun 2024.**

**Mesyuarat  
Ahli Jawatankuasa Tertinggi  
Sambutan Hari Belia Kebangsaan  
Ke-20, Tahun 2025**



**Majlis Membaca Surah Yasin dan Tahlil  
bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit  
dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim  
Sempena  
Sambutan Hari Belia Kebangsaan  
Ke-20, Tahun 2025**



**Mesyuarat  
Ahli Jawatankuasa Kerja  
Sambutan Hari Belia Kebangsaan  
Ke-20, Tahun 2025**



**Majlis Doa Kesyukuran  
(Solat Fardhu Maghrib aan Isyak Berjemaah,  
Bacaan Surah Yasin,  
Bertahlil serta Doa Kesyukuran)  
Sempena  
Sambutan Hari Belia Kebangsaan  
Ke-20, Tahun 2025**





**AHLI JAWATANKUASA  
TERTINGGI**



**Ahli Jawatankuasa Tertinggi**

## **PENGERUSI**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## **TIMBALAN PENERUSI**

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Reza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos  
Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
Jabatan Perdana Menteri

## **SETIAUSAHA**

Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## **TIMBALAN SETIAUSAHA**

Yang Mulia Dayang Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah  
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## **PENOLONG SETIAUSAHA BERSAMA**

Yang Mulia Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim  
Pengarah Belia dan Sukan  
Jabatan Belia dan Sukan

Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi  
Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

## **AHLI-AHLI**

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin  
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee  
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad  
Setiausaha Tetap (Wawasan)  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin  
Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri)  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia Awang Salminan bin Haji Burut  
Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan)  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia Dayang Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin  
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)  
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia Dayang Dr. Hajah Rafidah binti Gharif  
Pemangku Setiausaha Tetap  
Kementerian Kesihatan

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Yang Mulia Dayang Hajah Faridah binti Dato Seri Paduka Haji Talib  
Setiausaha Tetap  
Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Ketua Sekretariat Tetap  
Manpower Planning Employment and Council

Yang Mulia Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya  
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia  
Dato Paduka Haji Mohd Yusof  
Yang Di-Pertua Majlis Wanita Brunei Darussalam

### **PENYELARAS BERSAMA JEMPUTAN, PROTOKOL DAN PENYAMBUK TETAMU**

Yang Mulia Dato Paduka Awang Razali bin Haji Badar  
Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara  
Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Awang Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong  
Pengetua Pusat Sejarah  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

